



Ruj Kami : JPNP.SPK.KOKU.02.700-1/4 Jld.17(37)
Tarikh : 29 Januari 2018
12 *Jamadilawal* 1439H

Encik Ezani Amir
Pengarah Urusan
ESHIA & Associates Sdn. Bhd.
46-3, Jalan Setiawangsa 11A,
Taman Setiawangsa,
54200 Kuala Lumpur

Tuan,

**KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM KOKURIKULUM BAHASA INGGERIS
TOEFL YOUNG STUDENTS SERIES – “JUNIOR ENGLISH TOUR COMMUNITY
PROGRAM (JET PROGRAM) DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat 2018/01/24/170 bertarikh 24 Januari 2018 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Pahang amat berbesar hati dan sentiasa mengalu-alukan kerjasama dengan agensi luar. Oleh yang demikian, pihak Jabatan Pendidikan Pahang tiada halangan menyokong perluasan **Program Kokurikulum Bahasa Inggeris TOEFL Young Students Series – “Junior English Tour Community Program (Jet Program) 2018**.

3. Walau bagaimanapun pihak tuan adalah tertakluk di bawah **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9/2004** – Ruj.KP(BS)8691/Jld.XVIII(9) bertarikh 16 September 2004 – Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Justeru itu, pihak tuan hendaklah mengambil maklum dan mematuhi perkara-perkara berikut :

- 3.1 Program yang dilaksanakan hendaklah tidak bertentangan dengan semua dasar kerajaan dan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia;
- 3.2 Kebenaran daripada Pegawai Pendidikan Daerah dan Pengetua hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum mengadakan sebarang program yang melibatkan penyertaan guru dan murid;
- 3.3 Penyertaan guru dan murid hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 3.4 Setiap murid perlu mendapatkan kebenaran ibu bapa melalui Pengetua masing-masing;
- 3.5 Pihak penganjur diminta mengadakan langkah berjaga-jaga demi keselamatan dan kebajikan murid-murid sewaktu program berlangsung;

(Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila berhubung)

**KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM KOKURIKULUM BAHASA INGGERIS
TOEFL YOUNG STUDENTS SERIES – “JUNIOR ENGLISH TOUR COMMUNITY
PROGRAM (JET PROGRAM) DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA**

- 3.6 Tempat yang dipilih untuk mengadakan program telah dikenalpasti selamat dan bersesuaian dengan program;
- 3.7 Guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program atau aktiviti berkenaan;
- 3.8 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Pahang dan Pejabat Pendidikan Daerah yang terlibat dengan pelaksanaan program yang dijalankan.
4. Untuk makluman tuan, kelulusan ini hanya sah untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh **31 Disember 2018**. Pihak tuan adalah dipohon untuk mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut.
5. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara di atas, hubungi pegawai berurusan di Unit Kokurikulum, **Encik Arman Bin Mohamad Tojid** di talian **09-5715895 / 014-8123111**.

Kerjasama dan perhatian tuan dalam hal ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“SEHATI SEJIWA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

(DR. HAJI TAJUDDIN BIN MOHD YUNUS, SMP.)

Timbalan Pengarah Pendidikan Pahang
b.p. Pengarah Pendidikan Pahang

sk : Pengarah Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

: Pengarah Pendidikan Pahang
Jabatan Pendidikan Pahang

: Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan
Jabatan Pendidikan Pahang

: Ketua Unit Kokurikulum
Jabatan Pendidikan Pahang

: Fail Timbul

(Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila berhubung)

“ 1MALAYSIA : RAKYAT DI DAHULUKAN, PENCAPAIAN DI UTAMAKAN

